

03 MAR 2002

Kim-tiba

PEMIMPIN KOREA UTARA TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

SEPANG, 3 Mac (Bernama) -- Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara, Kim Yong Nam tiba hari ini untuk lawatan tiga hari bagi mempertingkatkan hubungan dua hala.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 1.50 petang dengan pesawat khas dari Thailand selepas mengadakan lawatan serupa ke negara berkenaan.

Ketibaaannya disambut oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid selaku pemangku Menteri Luar. Turut hadir ialah Duta Korea Utara ke Malaysia, Kim Ja Ryong.

Kim diiringi 30 anggota rombongan termasuk Menteri Luar Paek Nam Sun, Menteri Perdagangan Luar Negara Ri Kwang-Gun, Presiden Akademi Sains Ri Kwang-Ho dan Pengerusi Jawatankuasa Bagi Perhubungan Budaya Dengan Negara Luar, Mun Jae Chol.

Upacara sambutan negara akan berlangsung di Medan Parlimen esok.

Petang ini, Kim melawat kedutaan Korea Utara.

Beliau dijadual menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya esok sebelum kedua-duanya mengetuai delegasi masing-masing dalam satu mesyuarat.

Pada mesyuarat itu, Malaysia dan Korea Utara dijangka menandatangani memorandum persefahaman dalam bidang ekonomi dan kebudayaan.

Kim akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan diikuti majlis santapan negara di Istana Negara malam esok.

-- BERNAMA

SNS AZZ MAI